

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kuarters yang baharu di Klinik Kesihatan Nabawan akan siap dibina dan boleh diguna oleh anggota klinik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Klinik Kesihatan Jenis 4 (KK4) dengan X-Ray dan Kwarters, Nabawan telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Projek ini dilaksanakan dalam dua (2) Fasa di mana Fasa 1 melibatkan Kerja Pembinaan Klinik Kesihatan dan Fasa 2 melibatkan Kerja Pembinaan Kwarters.

Fasa 1 projek ini telah siap sepenuhnya pada 5 September 2016 dan Klinik Kesihatan Nabawan telah memulakan operasi pada 5 Disember 2016. Manakala Fasa 2 projek ini telah memulakan Fasa Pembinaan pada 25 November 2016 dan dijangka siap pada November 2019. Kemajuan Fizikal Sebenar projek adalah 94.30% berbanding jadual iaitu, 99.08%.

Untuk makluman YB Pensiangan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha menambahbaik dari semasa ke semasa penyampaian perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia amnya. Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan Fasa 2 projek ini disiap sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.